

03/05/1997

23 negara diundang sertai Memanah Asia

DUA puluh tiga negara diundang menyertai Kejohanan Memanah Asia X di Kompleks Sukan Langkawi bermula 18 November ini.

Presiden Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM), Datuk Abdul Halil Mutalib, berkata juara bertahan, Korea Selatan, adalah antara pasukan yang diundang.

Menurutnya, semua negara yang dijemput memberi jawapan positif untuk mengambil bahagian.

"Pemilihan Langkawi sebagai gelanggang adalah selaras dengan usaha menjadikan pulau peranginan ini pusat sukan antarabangsa.

"Berikutan itu, kerja-kerja untuk menyiapkan kemudahan memanah sedang pesat dijalankan di kompleks itu," katanya di Langkawi semalam.

Abdul Halil berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka merasmikan kejohanan seminggu itu.

Mengenai pemilihan skuad negara ke Sukan Sea XIX di Jakarta Oktober ini, dia berkata NAAM menetapkan empat sircuit kebangsaan sebagai asas pemilihan pemanah berkaliber.

Dua lagi sircuit, iaitu Kejohanan Memanah Angkatan Tentera bulan depan dan Kejohanan Memanah Kebangsaan pada bulan berikutnya, akan menjadi medan pemilihan terakhir.

Sebelum ini dua sircuit sudahpun berlangsung di Shah Alam dan Kejohanan Memanah Universiti Utara Malaysia (UUM) awal bulan lalu.

"Seramai enam pemanah, termasuk tiga wanita, akan disenaraikan dalam pemilihan terakhir untuk membawa cabaran negara ke Sukan Sea," katanya.

Dia yakin pasukan wanita mempunyai prestasi terbaik untuk memenangi pingat dalam temasya itu. - Bernama

(END)